

# **DARI KARYA MENJADI KAYA**

Oleh:

**DR. HM TUAH ISKANDAR AL-HAJ**

ANUGERAH BUKU NEGARA 2012

**ANUGERAH PERDANA ZA'BA**

**TOKOH PENULIS**

Dunia buku adalah dunia ilmu. Bermakna mereka yang sukaan buku adalah mereka yang gemarkan ilmu. Anda berasa senang memiliki buku tandanya anda menyenangi ilmu. Semestinya anda bakal lahir sebagai seorang yang berpengetahuan tinggi mengatasi mereka yang memperkecilkan buku.

Buku bukan sahaja melambangkan penulisnya, juga pembaca-pembacanya dan tidak terkecuali penerbitnya juga. Orang berilmu sememangnya jarang berada dalam hiruk-pikuk yang tidak terkawal serta tidak membawa faedah, dia dilihat tekun dalam dunianya yang tersendiri. Dia tidak cenderung langsung untuk membabitkan diri dalam isu-isu yang boleh merugikan bangsa, negara dan agama, yang jelas hasil usahanya terus berada di mana-mana, menjadi rujukan masyarakat dan membina mereka ke arah kebaikan.

Kita kena ada minda untuk berfikir secara berlainan supaya kita boleh memperkenalkan sesuatu yang baru. Mempelbagaikan hasil karya adalah salah satu bentuk kreativiti dan inovasi. Ia adalah nilai kemahiran yang perlu ada dalam diri setiap orang yang ingin berjaya dalam bidang pengkaryaan.

Drucker dalam bukunya, 'Classic Drucker' memberi takrifan nilai inovasi sebagai fungsi khusus yang ada pada usahawan. Ia bertindak sebagai alat kepada usahawan untuk mencipta sumber baru bagi menghasilkan kekayaan atau memberi nilai tambah kepada potensi sumber sedia ada dengan tujuan mencipta kekayaan itu.

Menulis, menerbit, menjual dan memberikan pengiktirafan kepada buku juga adalah salah satu bentuk keusahawanan. Dari karya menjadi kaya, ia bukanlah andaian lagi kerana sememangnya ia sedang terjadi kini.

Saya anak ibu tinggal (tunggal), hidup penuh kekurangan sejak kecil. Saya bina tuah untuk jadi bertuah dalam satu perjuangan hidup yang payah lagi lama. Sebelum semua orang kenali saya sebagai insan perkasa dalam semua bidang yang saya ceburi saya telah menempuh seribu satu halangan. Akhirnya saya berjaya, bukan kerana bertuah sangat, tetapi adalah kerana saya tahu usaha-usaha yang telah saya lakukan untuk menjadikan diri lebih bertuah mengatasi orang lain.

Firman ALLAH SWT,

"DIA-lah yang menjadikan bumi bagimu mudah digunakan, maka berjalanlah di merata penjurunya, serta makanlah dari rezeki yang dikurniakan ALLAH; dan (ingatlah), kepada ALLAH jualah kamu dibangkitkan hidup semula." (Surah Al-Mulk:15)

Saya berkarya dan mempersempahkan karya-karya saya itu dalam pelbagai bentuk dan rentak, kepada semua yang ingin menuahkan diri melalui pembacaan

berteraskan motivasi 3E, prinsip saya karya itu harus santai namun berkuasa. Sentuhan Formula 3E dalam melestarikan kebahagiaan hidup, moga-moga kelestarian itu kekal abadi hingga ke alam satu lagi. Karya perlu menjadikan pengkarya itu kaya dengan nilai-nilai yang boleh dipetik hasilnya di 'sana' juga.

Kamus Elektronik Besta mendefinisikan tuah sebagai *fortune, luck, untung, bahagia, distinction, honour, respect, keistimewaan, kemuliaan* bahkan juga bermaksud *magical power, keramat dan sakti*. Apabila saya berkarya, semua karya saya mengajak pembaca untuk mendapat semua kelebihan itu. Usah terlalu bergantung pada *luck* (nasib baik) tapi usahakanlah nasib baik itu melalui usaha-usaha yang betul dan berterusan. Nasib yang baik kadang-kadang bermula dari usaha yang betul dan baik. Begitu juga *magical power, keramat dan sakti* hanyalah definisi kuno yang sering dikaitkan dengan keperkasaan pahlawan-pahlawan silam. Hakikatnya pada kehidupan kini, kita lebih memerlukan DUIT - doa, usaha, ikhtiar dan tawakal untuk jadi bertuah dan berduit.

Sememangnya tuah tidak datang bergolek juga tidak datang melayang, setiap yang mahu menjadikan dirinya lebih bertuah perlu bekerja keras untuk memperolehinya. Sememangnya saya ingin melahirkan karya yang sentiasa memberi impak begini kepada setiap pembaca.

Yang penting setiap daripada kita mendapat iktibar, pengetahuan, pengalaman dan motivasi untuk memperkuuh jatidiri kita pula untuk mendepani hidup kita sendiri melalui pembacaan-pembacaan kita.

Kita kena ada minda untuk berfikir secara berlainan supaya kita boleh memperkenalkan sesuatu yang baru. Ia adalah nilai kemahiran yang perlu ada dalam diri setiap orang yang ingin kaya melalui karya.

Buku motivasi pertama saya adalah terbitan Karya Bestari, judulnya 'Membina Imaginasi Cemerlang'. Hari ini saya teruskan agenda membentuk keunggulan insan sejahtera dengan terus mempersempit buku-buku terbaru dan best seller, jumlahnya sekarang 100.

Ramai bertanya bagaimana saya boleh menyelam menjiwai audien saya begitu sekali. Andainya karya itu adalah untuk wanita, saya berbicara seolah-olah saya adalah seorang wanita. Sebenarnya bukan jiwa wanita sahaja yang saya selami, juga lelaki, kanak-kanak, remaja, orang tua bahkan dalam semua kategori usia. Sememangnya saya menulis dari jiwa, bukan minda. Apabila saya menjiwai hati audien saya, pemikiran saya akan merumus jauh, menyelami kerumitan hidup mereka oleh pelbagai masalah yang terpaksa mereka depani – soal cinta, jodoh, perkahwinan, orang ketiga, pelajaran, minat sesama jenis, skandal, kayu tiga, nafsu yang tidak terkawal, kahwin di sempadan, menyintai suami orang @

menyintai isteri orang, halangan ibu bapa, zina, janda, andartu, kerjaya, kekasih, duda, anak-anak, gangguan seksual, ibu bapa, sukar mendapat anak, mentua, jiran, maksiat dan macam-macam lagi.

Alangkah susahnya menjadi manusia bukan, khususnya wanita. Wanita sendiri kadang-kadang tidak dapat memahami dunia mereka, tetapi dari kacamata seorang lelaki ia mungkin terungkai – itulah saya, seorang lelaki yang menghargai wanita, memperjuangkan wanita serta mengasihi mereka seluruhnya. Namun, saya tidak pernah menyampangkan lelaki. Sebenarnya seluruh buku saya di pasaran adalah untuk dua gender ini – lelaki dan wanita dalam semua usia, namun oleh kerana lebih ramai wanita yang membaca buku-buku saya, saya dilihat lebih berpihak kepada mereka. Sebenarnya tidak. Dalam mencari kesempurnaan sememangnya seorang wanita itu memerlukan lelaki yang unggul di sisinya, demikian juga seorang lelaki yang mahukan kesempurnaan hidup dia memerlukan wanita yang anggun pula. Namun, realitinya, terkadang dalam hidup kita, dia yang berlainan jantina dengan kita inilah yang memporakperandakan hidup kita. Maka itu, kita memerlukan orang ketiga untuk membetulkan landasan matlamat kita, itulah saya.

Sememangnya para pembaca semakin dewasa, namun pembaca baru tetap muncul, maka masalah adalah berulang. Maka itu, persoalan tentang kekasih gelap, keliru tentang kasih sayang, juga cinta sejenis tetap memerlukan kupasan dan ia sentiasa relevan. Seorang motivator tulen kemanusiaan sememangnya memiliki ketulusan untuk berkongsi suka duka setiap insan biarpun kadang-kadang hingga dia dibenci oleh keupayaan luar biasanya itu. Sebenarnya ramai orang tersilap membuat penilaian begini, sebab sebagai lelaki sudah tentu saya juga sangat memahami lelaki, sebagai lelaki juga sememangnya saya sangat memahami wanita juga. Sebetulnya saya adalah penulis versatile.

Buku-buku saya yang dikatakan khusus untuk wanita itu kini ia menjadi bacaan kaum lelaki. Saya mendapat banyak maklumbalas bahawa para lelaki menjadikan buku-buku saya bacaan perlu untuk memahami wanita. Dan mereka sangat menyukai ruangan MOTIVASI saya di majalah serta menunggu-nunggu kemunculan saya di tv juga mendengar rancangan saya di radio khususnya rancangan berkenaan wanita, kerana kata mereka, saya selalunya membela wanita dan membela lelaki, dengan itu sebagai lelaki, mereka tercabar untuk menjadi lelaki yang lebih baik untuk diidami wanita.

Untuk menyediakan motivasi padu pada setiap orang adalah keutamaan saya dalam berkarya. Berbicara tentang kehebatan adalah bercerita tentang isu bagaimana semua orang boleh hidup bersama penuh harmoni.

Sebagaimana saya sentiasa berusaha menguatkan dalaman saya, saya juga mahu para pembaca sekutu saya mendepani hidup mereka pula. Lantas kita perlu jadi anggun dan unggul sepanjang usia kita dalam kekuatan dalaman yang bukan calang-calang besarnya.

Percaya atau tidak, saya dihujani pelbagai persoalan hidup oleh seluruh lapisan masyarakat sejak di sekolah menengah lagi. Sebetulnya saya jadi motivator dan penulis secara semulajadi, sebelum perkataan motivator itu jadi terkenal di kalangan penduduk Malaysia, saya telah didekati oleh ramai orang bermasalah. Masalah mereka berbagai-bagai. Ada yang telah beranak isteri pun mencari saya sedangkan pada masa itu saya masih remaja.

Jadi, kebanyakan jawapan yang saya berikan adalah ilham yang spontan datang. Sememangnya saya bergantung kepada ALLAH untuk memberikan jawapan dan penyelesaian kepada setiap pertanyaan. Anda pun tahu, saya bukanlah terlalu tua untuk merasai semua pengalaman hidup. Saya jauh lebih kemudian ‘makan garam’, jadi bagaimana saya hendak memberikan penyelesaian kepada persoalan yang saya sendiri tidak pernah mengalaminya? Jawapannya adalah doa yang sentiasa saya panjatkan, mogamoga saya dikurniai ilham yang terbaik. Dan itu jugalah modal saya dalam penulisan.

Adalah salah menganggap seseorang itu hanya berilmu apabila dia belajar. Pendapat ini tidak semestinya betul, sebab para *inventor* tidak pernah belajar apa yang mereka *invent*. Edison misalnya tidak pernah belajar bagaimana membuat mentol daripada sesiapa tetapi dia lah orang pertama yang menciptanya di dunia.

Daimler juga tidak pernah belajar bagaimana membuat kereta, tetapi dia dapat mencipta sebuah kereta. Sebenarnya para *inventor* hanya memerlukan ilmu asas, selebihnya adalah ilham yang sampai serta percubaan-percubaan tanpa jemu yang mereka lakukan.

Ilmu untuk menyelesaikan masalah manusia tidak kesemuanya boleh dipelajari di universiti. Kehidupan itu sendiri adalah sekolah dan universiti terbaik manusia. Apa-apa yang bakal ditempuh di akhirat adalah juruingat terbaik kita, manakala janji-janji ALLAH berupa nikmat syurga adalah laluan pada jawapan terhadap semua persoalan dunia.

Ramai orang bertanya apakah amalan saya dalam memastikan kalbu sihat walafiat. Dalam memastikan pemikiran saya tidak terpesong memberikan pandangan-pandangan yang salah, sedaya mungkin saya cuba qiamulail setiap malam di samping mengamalkan Zikir Al-Mathurat.

Memang sesetengah orang dijadikan untuk menjadi penyelamat kepada orang lain, seperti seorang bapa diberikan rezeki oleh ALLAH, sebenarnya adalah untuk isteri dan anak-anaknya di rumah – rezeki itu disalurkan kepada si ayah yang melakukan kerja, lalu mendapat gaji atau upah, walhal adalah untuk si anak yang masih kecil atau mungkin sahaja ibu bapa yang telah tua.

Memang setiap orang ada peranannya masing-masing. Mungkin saya dijadikan untuk menjadi perantara penyelesaian masalah orang. Saya terima kenyataan ini dengan senang hati dan penuh tanggungjawab.

Penulisan adalah satu kerja paling mulia tetapi juga pada sesetengah orang payah. Setiap yang ditulis akan kekal sebagai khazanah keilmuan manusia. Malah mengukir corak di atas kulit-kulit telur burung unta mungkin merupakan bentuk penulisan yang paling awal di dunia. Satu bentuk corak yang dianggarkan berusia 60,000 tahun itu telah dijumpai oleh sepasukan penyelidik di Afrika Selatan. Para penyelidik itu percaya bahawa corak geometri digunakan sebagai sistem komunikasi simbolik di antara para pemburu di Afrika yang berkumpul untuk menandakan telur mereka dan membezakannya antara satu sama lain.

Lebih 270 keping kulit telur telah ditemui oleh Pierre-Jean Texier dari Universiti Bordeaux dan rakan-rakannya sepanjang beberapa tahun lalu semasa melaksanakan penyelidikan di kawasan Barat Cape. Mereka turut mengenal pasti empat corak spesifik yang banyak kali diulang. Kebanyakan corak itu dilihat menjadi cara untuk menentukan pemilikan telur atau menjelaskan kegunaannya. (Agenzi 3 Mac 19)

Abu Umamah pernah meriwayatkan bahawa Rasulullah saw bersabda, “Tiga kelompok manusia yang tidak boleh dihina kecuali orang munafik ialah orang tua Muslim, orang yang berilmu dan imam yang adil.” (Muslim)

Tidak kira bagaimana orang menilai anda semasa hidup, yang penting kesudahannya. Tidak kira bagaimana anda memulakan gerak ketika mula-mula berlari, yang penting anda sampai ke penghujungnya. Pelumba yang berada di hadapan sentiasa menjadi perhatian tetapi pelumba yang berjaya melepassi garis penghabisan itulah dia si pemenang.

Rasulullah saw bersabda,

“Bahwasanya DIA-lah TUHAN, tiada TUHAN melainkan DIA, adalah seseorang kamu akan beramal dengan amalan ahli syurga sehingga jarak antaranya dengan syurga itu hanya sehasta saja, tiba-tiba kitabnya telah mendahuluinya, lalu dia pun beramal dengan amalan ahli neraka, maka dia akan masuk ke dalam neraka. Dan

adalah seseorang kamu akan beramat dengan amalan ahli neraka, sehingga jarak antaranya dengan neraka itu hanya sehasta saja, tiba-tiba kitabnya telah mendahuluinya, lalu dia pun beramat dengan amalan ahli syurga, maka dia akan masuk syurga."

Hidup adalah persaingan tetapi kita tidak semuanya bermula dari garisan yang sama dan serupa. Ada orang sediakalanya pintar sedari kecil, lalu dia melepas semua halangan peperiksaan, akhirnya dia mendapat jawatan yang hebat dengan pendapatan yang juga hebat. Kita mungkin tidak sepintar itu – sejak kecil asyik kandas. Usahakan peperiksaan-peperiksaan besar, ujian bulanan pun tidak sampai melepas piawaian. Kita bermula dari garisan yang sama tetapi dengan kapasiti yang berbeza. Andainya kita gagal meraih jawatan tinggi apakah itu bermakna seluruh peluang kita untuk menikmati kejayaan seperti dia telah tertutup?

Tidak, jangan berfikir seperti itu. Kita semua boleh menjadi hebat sekiranya kita membenarkan diri kita menjadi insan luar biasa bagus dan hebat sekali. Ingatlah, hampir semua orang berjaya dan kaya di dunia bukanlah orang yang pintar akademik. Albert Einstein pernah disuruh pulang sahaja oleh gurunya kerana sangat bengap. Edison tidak pernah ke universiti tetapi dia telah memberikan dunia cahaya yang diperlukan. Penulis Harry Porter hanya seorang suri rumah.

Walaupun buta sejak lahir, seorang budak lelaki di Britain berusia empat tahun, Jamie Aspland mampu berjalan tanpa bantuan sesiapa dengan mempelajari bahasa ikan lumba-lumba. Dia mengguna teknik *FlashSonar* atau kaedah pengesanan gema seperti ikan lumba-lumba. (Agensi 30 Apr 10)

Nampak? Orang buta pun boleh melangkah sebagaimana orang celik melangkah. Yang penting ada kemahanan untuk melangkah dan tahu teknik melangkah. Jadi, apakah mustahil jika seseorang yang tidak melepas akademik menulis buku? Sebuah novel boleh ditulis oleh seseorang yang hanya mempunyai asas membaca dan menulis serta sedikit rasa untuk berkreatif.

Rasulullah saw bersabda, maksudnya,

"Sesiapa yang memberi contoh yang baik dalam Islam maka dia akan memperolehi pahala dan pahala orang yang beramat selepas dia meninggal tanpa kurang sedikit pun daripada pahala mereka dan siapa yang memberi contoh yang buruk di dalam Islam maka dia akan mendapat dosa dan dosa orang beramat dengannya selepas dia meninggal dunia tanpa kurang sedikitpun daripada dosa mereka." (Riwayat Muslim)

Ya, betul, pengajian tertinggi itu membolehkan anda menjadi lebih dominan,

tetapi orang yang terkaya di dunia bukanlah orang yang dominan dalam dunia akademik. Izinkanlah diri anda berfikir secara lebih kreatif agar anda menjadi manusia yang gemar mencuba. Ini dipanggil inovasi. Mereka yang sudi berinovasi akan memiliki imaginasi cemerlang untuk menjadi lebih unggul. Apa salahnya inovasi dan berkreatif melalui alam penulisan untuk menjana kekayaan.

Dunia kejayaan adalah dunia orang yang sanggup.

Tuahkanlah hidup orang lain kelak tuah datang juga pada anda meskipun anda bukan bernama Tuah, yang penting sanggup.

Jom berkarya untuk kaya!

### Sekadar berkongsi rasa penerbit

Sambutan masyarakat terhadap buku-buku DR. HM TUAH ISKANDAR al-Haj memang menakjubkan. Ketika pertama kali terbit, sebaik sahaja dibawa dari kilang percetakan ke PWTC di mana Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2011 akan bermula, para pengunjung telah bertumpu-tumpu. Penulis tidak berhenti memberikan autograf pada setiap naskhah buku yang dibeli oleh pengunjung bermula jam 10.00 pagi hingga 9.30 malam pada hari pertama, kedua, kemudian diikuti hari kesembilan dan kesepuluh. Untuk ini dakwat empat batang pen telah habis digunakan. Bolehkah anda bayangkan betapa banyaknya buku yang terjual?

Sememangnya teknik yang digunakan oleh DR. HM TUAH ISKANDAR al-Haj sangat mendekatkan beliau dengan para peminatnya, bahkan pada sesetengah orang seperti sedang bercakap berhadapan sahaja dengan beliau. Di sinilah satu lagi keistimewaan insan yang telah lahir sebagai motivator dan penulis semulajadi sejak berusia 14 tahun lagi. Setakat hari ini, belum dapat ditandingi dalam penghasilan buku motivasi terbanyak, terlaris dan paling tinggi jualannya.

## GRUP BUKU KARANGKRAF

Senarai Karya

DR. HM TUAH ISKANDAR al-Haj

### MOTIVASI & UMUM

Membina Imaginasi Cemerlang (Karya Bestari)

Membina Hati Bahagia (Karya Bestari)

Membina Jatidiri Gemilang (Karya Bestari)

Membina Peribadi Anggun (Karya Bestari)

Membina Rasa Cinta (Karya Bestari)

Membina Cinta Sayang (Karya Bestari)

Membina Personaliti Terbilang (Karya Bestari)

Membina Jiwa Serasi (Karya Bestari)

Membina Unggul Lelaki (Karya Bestari)

Membina Cinta Suci (Karya Bestari)

Nak ke Tak Nak (Karya Bestari)

Biar Betul-betul (Karya Bestari)

Buat Sampai Jadi (Karya Bestari)

Fikir-fikirlah (Karya Bestari)

Ada Bagus, Bagusss (Telaga Biru)

Jangan Main-main (Telaga Biru)

Kalau Ya Katakan Ya (Telaga Biru)

Tangani Kejatuhan Matawang - Jimat (Karya Bestari)

Jangan Tidak-tidak (Karya Bestari)

Kereta – Jawapan pada Pertanyaan Anda (Karya Bestari)

Mengapa Bujang Senang Haus Darah (Sarawak Publisher)

Nak Jadi Jadi (Karya Bestari)

Sendiri Mau Ingat (Karya Bestari)  
Jom ManTOP (Alaf21)  
Cipta Syurga Hati (Karya Bestari)  
Buat Jangan Tak Buat (Alaf21)  
Jom Menyerlah (Alaf21)  
Jom Jaguh (Alaf21)  
Jom Bertuah (Alaf21)  
Jom Mengetop (Alaf21)  
Oi Bangunlah Oi (Karya Bestari)  
Bukan Main Lagi (Karya Bestari)  
Tau Tak Apa (Karya Bestari)  
Laluan Kedua ke Puncak (Oasis Buku)  
Belailah Kalbu (Karya Bestari)  
101 Rahsia Penguat Nurani (Karya Bestari)  
Jaga Jangan Kantoi

## **PENGAJIAN TINGGI**

Mengislamisasikan Komunikasi Warta (DBP)  
Kewartawanan Islam – Dicabar, Tercabar, Mencabar (Karya Media)

## **NOVEL**

Anak Bumi Kenyalang (DBP)  
Suangi (Federal Publication)  
Suangi II (Federal Publication)  
Suangi III Manusia Satwa (Alaf 21)  
Pelangi Membeku (Alaf 21)  
Hatimu Untuk Siapa (Alaf 21)  
Aku di Hatimu (Alaf 21)

- Stefa Isle (Alaf 21)
- Original (Alaf 21)
- Enrique Mengundang Jauh (Finalis Hadiah Sako - Utusan)
- Enrique Mengundang Jauh (Anugerah Darul Takzim 2005 - Versi Baru (Alaf21)
- Bayu di Solent (Sasbadi)
- Dinasour Bandar Mahria (NR Publication)
- Nurani di Sudut Kehijauan Matanya (Hadiah Penghargaan - Jabatan Perdana Menteri)
- Inikah Cinta (Alaf 21)
- Pedamaran Penan (Hadiah Kedua - DBP)
- Nanga Begajai (DBP)
- Surat-Janji 1862 (Alaf 21)
- Tinggal Dulu Isle (DBP)
- Runtuhnya Sebuah Astana (Hadiah pertama - DBP)
- Puteri Aluk Batang Belidak (DBP)
- Cinta Hati Kita (Alaf21)
- Duta Utusan Ayah (Hadiah pertama - DBP)
- Tragedi Bujang Senang (Hadiah kedua - DBP)
- Selembut Sentuhan Letni (Karya Bestari)
- Cinta Segi Lima (Alaf21)

## KISAH BENAR

- Abdul Rahman Ya'kub – Kancil Sarawak (Hadiah Ketiga - DBP)
- Karamah Ilmu Batin (Kintan)
- Kisah Ajaib Terpilih (Karya Bestari)
- Hembusan Salju di Makkah (Karya Bestari)

## **ANTOLOGI**

Koleksi Cerita Kanak-kanak Bertemakan Alam Sekitar (Hadiah pertama hasil Peraduan Menulis Cerita Kanak-kanak bertemakan Alam Sekitar - JAS)

Pedamaran Rimba (Hadiah Pertama - DBP)

## **PELAJARAN**

Rahsia Skor 5A UPSR (Marshall Cavendish)

Rahsia Skor 8A PMR (Marshall Cavendish)

Rahsia Skor A SPM (Marshall Cavendish)

## **AGAMA**

Umrah & Ziarah Masjidilharam & Masjid Madinah (Karya Bestari)

600 Jawapan Kemosykilan Agama Jilid I (Karya Bestari)

600 Jawapan Kemosykilan Agama Jilid II (Karya Bestari)

600 Jawapan Kemosykilan Agama Jilid III (Karya Bestari)

Sembahyang Lelaki Perempuan (Karya Bestari)

Sembahyang Lelaki (Karya Bestari)

Semnbahyang Perempuan (Karya Bestari)

Jalan-jalan untuk Redha dan Pahala (Karya Bestari)

Puasa Lelaki dan Perempuan (Karya Bestari)

Catatan Harian Islam (Karya Bestari)

Panduan Kenduri (Karya Bestari)

600 Jawapan Kemosykilan Agama Wanita (Karya Bestari)

## **PENERBITAN DALAM BENTUK CD dan KASET**

Anak Anda Bijak Berkarya (Telaga Biru)

Memupuk Minat Belajar Anak-anak (Telaga Biru)

Langkah-langkah Gemilangkan Imagination Anda (Telaga Biru)

Anak Anda Cemerlang Seperti Nur Amalina (Telaga Biru)

Nak Kaya ke Tak Nak Kaya (Telaga Biru)

Cinta Pandang Kedua – Di mana Silapnya (Telaga Biru)  
31 Sebab Mudah untuk Anda Berjaya (Telaga Biru)  
Langkah-langkah Merawat Cinta Remaja (Telaga Biru)  
Merawat Hati Wanita (Telaga Biru)  
Mengenali dan Menyingkap Rahsia Lelaki (Telaga Biru)  
Berjaya Melalui Kekurangan Diri (Telaga Biru)

### **DALAM PENERBITAN (Terbit 2012)**

Kebal Jiwa – Siri Soaljawab (Karya Bestari)  
Tegur Biar Teguh (Alaf21)  
Bikin Sama Dia (Alaf21)  
Mari Sampai Dulu (Alaf21)  
Jom Berubah (Alaf21)  
The Other Thought of Journalism – A Study of Analyzing to the Conventional Paradigm (3E)

### **DALAM PENULISAN**

Great Imagination – Utilizing the High Powered Forces Within (3E)